

HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

KEPADA SAHIB AL-FADHILAH MUFTI KERAJAAN JOHOR

Makalah saya yang tersiar di dalam majalah Qalam bilangan 4 dan 5 tahun 1950 nampaknya telah menjadi punca pertanyaan kepada Sahibul Al-Fadhilah Tuan Syed Alwi bin Tahir al-Hadad, mufti kerajaan Johor yang telah menulis dua keluaran dalam fatwanya di dalam majalah wirid Jabatan Agama Johor bilangan 27 dan 28 atas perkara dua hadith yang saya bawa telah menentukan bahawa perkahwinan seorang gadis itu hendaklah diminta izinnya terlebih dahulu dengan saya meminta kepada ulama memerhati tentang hadith-hadith itu dan memberi keterangan-keterangan dengan suatu tujuan yang suci untuk membersihkan keturunan-keturunan orang-orang awam pada masa yang akan datang- tidak sekali-sekali ditujukan untuk menyeru orang-orang kepada jalan yang mana mengingkar atau mencapik pengajaran-pengajaran Islam yang dari satu kesuatu masa telah dicuai-cuainya oleh orang-orang kita dengan sebab kuatnya pengaruh kehidupan-kehidupan barat di dalam sanubari orang-orang kita.

BERI KETERANGAN YANG TEPAT

(Oleh Ummu Muhsin)

Sebelumnya saya mengulas sedikit sebanyak tentang hujah yang dibawa oleh Sahibul Al-Fadhilah itu maka saya di sini berasa sangat dukacita tentang cara jawapan yang diberi di dalam mana Sahibul Al-Fadhilah itu tidak menunjukkan hadith-hadith yang telah saya bawa yang menjadi hujah kepada pendapat saya, yang menurut pendapat saya kalau tidak diambil izin seseorang gadis itu untuk dikahwinkan maka nikahnya harus tidak sah. (Dua hadith yang tersebut akan saya terangkan dibawah nanti).

Menurut pandangan saya fatwa Sahibul Al-Fadhilah itu adalah tidak mengenai sekali-sekali berkenaan perkara yang tersebut bahkan Sahibul Al-Fadhilah itu hanya membawa perkara yang mengenai tentang nikah di bawah umur seperti tamsil-tamsil yang dibawa di atas perkahwinan Saidatina Aisyah dan lain-lainnya yang mengharuskan kahwin seseorang di bawah umur. Saya

katakan bahawa hujah-hujah ini tidak kena oleh kerana perkahwinan yang saya bawa adalah mereka yang cukup umurnya yang di dalamnya kuasa ibu bapa telah gugur dengan kerana baligh itu sedang bagi mereka yang belum baligh adalah terletak di dalam kekuasaan bapa atau wali mujbir yang tidak diingkari mempunyai kuasa yang penuh ke atas diri kanak-kanak itu, saya tidak ingkar di atas perkara ini.

Tetapi yang saya hendak ketahui ialah perkara berkenaan dengan mereka yang telah baligh. Saya telah menulis berkali-kali dalam perkara ini di dalam majalah Qalam dengan membawa kepada asal masalah iaitu, menurut pendapat saya, seseorang yang telah baligh itu adalah ia terlepas daripada tanggungan kedua-dua ibu bapanya yakni dalam perkara yang mengenai ibadat dan juga yang mengenai harta pun ia bebas atasnya. Dengan sebab yang demikian itu mengapa pula ada yang terletak suatu ikatan lagi tentang perkahwinan? Jika asalnya telah diluluskan maka tidak ada maknanya menahan

kelulusan itu dalam bahagian yang lain yang bolehlah disifatkan merampas hak-haknya yang diluluskan oleh agama. Saya tidak pernah menafikan bahawa bapa itu patut menerima raie yakni bapa ataupun wali mujbir itu boleh mencadangkan siapa yang patut boleh bakal suami si gadis tadi oleh kerana di dalam pergaulan yang sopan di Timur ini adalah telah teradat bahawa perempuan itu tidak akan dipinang atau dijumpai orang sendiri atasnya melainkan menerusi wali atau ibu bapanya tetapi yang demikian itu tidaklah bermakna ia terus menjalankan sekehendaknya dengan tidak izin daripada perempuan itu.

Dengan alasan-alasan yang tersebut di atas ini saya berasa hairan mengapa masalah yang mengenai pertanyaan itu tidak berjawab pada hal jawapan yang demikian itu adalah dikehendaki dengan keterangan-keterangan yang jelas dan luas supaya, sebagaimana yang telah saya sebutkan, keturunan pada masa yang akan datang akan menjadi cukup bersih dan sempurna- tidak tersalah-salah raba lagi. Kalau diperhatikan kepada keadaan-keadaan yang kita pandang hari ini maka keterangan itu sangat mustahak diberi dengan bersandarkan kepada Al-Quran dan hadith semata-mata. Dengan kerana itu saya suka meminta Sahibul Al-Fadhilah itu, dengan tulisannya memberi penerangan-penerangan tentang nafi kepada kehendak hadith yang saya bawa dibawah ini yang mengenai dengan perkara perkahwinan gadis yang berkenaan dengan masalah-masalah yang dibahas. Diharap sekiranya pihak-pihak ulama memberi pertunjukan kepada am di dalam perkara-perkara yang berkenaan dengan hadith ini oleh sebab saya masih berkeyakinan seseorang gadis yang dikahwinkan dengan tidak izinya itu, menurut pendapat saya, tidak sah nikahnya dan sekiranya ada keterangan-keterangan yang nyata boleh menafikannya insya-Allah saya sedia akan rujuk di dalam perkara ini.

Perhatilah hadith-hadith yang saya terangkan di sini yang hanya mengenai masalah wali mujbir: Rasulullah (SAW) telah bersabda: "*as-sübu ahakku binafsihaa mim walihaa wa al-bakri tastaazana fu nafsiha wa azzaha shomatuha*" - hadith sahih riwayat Muslim. Ertinya perempuan yang janda itu lebih berhak (mengahwinkan) dirinya daripada walinya ; dan anak gadis

itu perlu diminta izinnya pada (mengkahwinkan) dirinya; dan izinnya itu (memadai) dengan diamnya.


Sabda Rasulullah (SAW) lagi : *La nikah al-ayyam hatta tasta'miru wala tankihu al-bakra hatta tasta'zinu*". Ertinya tidak boleh dinikahkan perempuan janda melainkan sesudah dibawa bermesyuarat, dan tidak boleh dinikahkan seorang gadis melainkan sesudah diminta izinnya - hadith riwayat Bukhari.

Satu riwayat lagi (maksudnya) Sahal bin Saad telah berkata seorang perempuan telah datang kepada Rasulullah (SAW) dan berkata: "Saya serahkan diri saya kepada Rasulullah". Kemudian lama ia berdiri. Ketika itu berdiri seorang sambil berkata : "Ya Rasulullah kahwinkanlah ia kepada hamba jikalau tuan hamba tidak suka kepadanya". Rasulullah bersabda "Aku kahwinkan engkau kepadanya dengan (maskahwin beberapa surah) Quran yang ada (padamu) bagi engkau ajarkan kepadanya."

Diriwayatkan lagi (maksudnya): Baridah telah berkata- telah datang seorang perempuan kepada Rasulullah (SAW) lalu berkata: "Sesungguhnya bapa saya telah kahwinkan saya kepada anak saudaranya supaya terhapus kehinaannya dengan sebab saya." Rasulullah (SAW) menyerahkan urusan itu kepada kemahuannya sendiri. Anak perempuan itu berkata saya benarkan apa yang telah diperbuat oleh ayat saya tetapi saya hendak beritahu kepada perempuan-perempuan bahawa bapa-bapa itu tidak mempunyai kekuasaan. - Hadith riwayat Ibnu Majah, Ahmad dan An-Nasaai.

Satu riwayat pula - maksudnya Abu Salamah telah berkata: Telah datang seorang perempuan kepada Rasulullah (SAW) lalu berkata: "Sesungguhnya bapa saya telah nikahkan saya kepada seorang tetapi saya tidak suka." Nabi bersabda kepada bapanya- tidak sah pernikahanmu. Pergilah engkau (Hai anak perempuan) dan bernikahlah kepada sesiapa yang engkau sukai. - Hadith riwayat Said bin Mansur.

Dengan beberapa hadith-hadith yang disebutkan di atas ini zahir, mengikut pandangan saya, bahawa tidak syak lagi perkahwinan seseorang anak gadis itu hendaklah diambil izinnya terlebih dahulu. Izin itu, daripada keterangan-keterangan ini



Orang-orang Melayu di Afrika Selatan. Kanak-kanak yang tertera di sini ialah kanak-kanak keturunannya daripada keluarga orang-orang Melayu yang berasal daripada gugusan pulau-pulau Melayu tatkala menyambut Hari Raya. Gambar ini dihantar dengan ihsan Tuan Ahmad Brown.

wajib dan saya hairan di mana boleh dikatakan perkara yang demikian ini sunnah dan di manakah ambilannya? Saya berharap dan harus juga pembaca-pembaca akan berharap perkara yang demikian ini akan dijawab oleh Tuan Mufti yang tersebut dengan suatu jawapan yang tepat dengan nas-nas yang dikehendaki atau yang berthabit dengannya sahaja.

Segala fikiran-fikiran yang diberi umpamanya bapa itu itu selamat dan sempurna dan mendapat bahagia kemudiannya adalah tabiatnya sentiasa baik kepada anak dan gemar anaknya dan tak diifiad adalah molek atasnya memberi keputusan tentang siapa yang akan jadi jodoh anaknya yakni dengan tak payah lagi ia berunding atau meminta izini kepada anaknya. Sebagaimana saya sebut di atas fikiran yang demikian itu ialah rai. Seorang anak disuruh meraikan ayahnya, disuruh taat kepada kedua-dua ibu bapanya tetapi dengan ketaatan itu tidaklah sekali-kali patut hak itu dirampas pada hal menolak apa yang tersebut di atas. Sudah terang sebagai siang kandungan hadith itu menghendaki izin mesti diminta.

Jadi dengan itu saya berharap mudah mudahan

Sahibul Al-Fadhilah itu dapat menerangkan – (1) sahkah atau tidak hadith itu, (2) di mana yang menerangkan bahawa izin itu sunnah dan (3) apa hujah-hujah yang boleh menafikan hak-hak seorang atas dirinya itu – berilah hujah-hujah dengan keterangan-keterangan daripada Al-Quran dan Hadith – bukan dengan keterangan fikiran dan yang demikian itu mudah mudahan akan memberi manfaat kepada umum adanya.

Seutama-utama kebanyakan ialah menolong orang-orang yang kesusahan.

-----*-----*-----

Hendaklah engkau jauhkan perkataan-perkataan yang tak perlu kerana ia menyatakan keaipan kamu yang tersembunyi dan menggerakkan sesuatu yang diam pada musuhmu.

Bacalah buku-buku keluaran Qalam

Bilik 69	\$1.20
Meja Tiga Belas	\$1.20
Ustazah	\$1.20
Tuan Kadi	\$1.00

Harga-harga ini tambah belanja pos 10 sen.
